

Islam dan Penderaan



Islam merupakan agama yang syumul menjaga kesejahteraan umatnya dari segenap aspek kehidupan. Agama ini bukan sahaja telah siap menyediakan garis panduan untuk kehidupan umat manusia tetapi, Islam juga mempunyai solusi terhadap apa juga isu permasalahan yang timbul sebagai contoh, isu penderaan.

Penderaan berasal daripada perkataan 'dera' sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kamus Dewan Bahasa (edisi Keempat) ianya bermaksud menyiksa; menghukum (dengan apa jua cara). Oleh itu, penderaan ini bolehlah didefinisikan sebagai suatu bentuk penyiksaan, pencabulan atau pelanggaran terhadap hak seseorang individu secara khususnya dan masyarakat secara umumnya.

Berdasarkan kategori penderaan yang boleh diklasifikasikan iaitu fizikal, emosional, seksual dan pengabaian. Sudah pasti kesemua bentuk penderaan ini akan membawa kesan yang negatif terhadap individu yang menjadi mangsa.

Kesan yang dialami oleh mangsa tersebut boleh menyebabkan trauma kepada mangsa samada bagi jangka masa pendek atau panjang.

Penderaan Fizikal

Penderaan secara fizikal ini berlaku apabila seseorang itu dicerederakan atau cedera dalam serta senjaga atau dengan niat untuk mencederakannya.

Contoh-contoh penderaan fizikal termasuklah dengan cara menendang, menumbuk, mencekik, memukul atau apa jua bentuk perbuatan bahaya yang boleh mendatangkan cederakan atau kesakitan yang boleh dilihat dan dirasai oleh mangsa.

Kesan cederakan yang biasa dilihat pada diri mangsa adalah lebam, calar, cederakan otak, pendarahan, patah tulang dan yang paling teruk apabila ianya mengakibatkan kematian.

Penderaan Emosional

Penderaan emosional pula adalah satu gangguan yang meninggalkan kesan negatif terhadap minda seseorang dan menjadi trauma kepadanya samada

dalam jangka masa pendek atau panjang. Penderaan jenis ini juga boleh dikatakan sebagai suatu pengabaian terhadap keperluan emosi seseorang contohnya kekurangan kasih sayang, perhatian serta ransangan yang positif.

Penderaan emosi ini juga masih boleh terjadi walaupun keperluan fizikal seseorang individu itu telah pun dipenuhi kerana kesan penderaan tersebut tidak dapat dilihat pada pandangan mata kasar dan tiada kesan secara jelas jika dibandingkan dengan penderaan fizikal.

Penderaan Seksual

Sementara itu, penderaan seksual pula bermaksud suatu bentuk pencabulan atau kelakuan seksual yang dilakukan secara paksa oleh seseorang ke atas individu lain. Penderaan ini boleh terjadi dalam bentuk fizikal, lisan atau emosi.

Perbuatan tersebut juga biasanya dilakukan secara berulang kali dan ada kalanya si pelaku menggunakan orang lain untuk keseronokan seksualnya.

Umum mengetahui bahawa isu penderaan ini boleh berlaku di semua peringkat kehidupan manusia. Ianya boleh berlaku terhadap kanak-kanak, pasangan suami isteri dan warga emas. Jika dilihat secara umum, terdapat pelbagai faktor yang boleh menjadi penyumbang kepada penderaan iaitu antaranya kekangan sosio-ekonomi yang rendah, hubungan suami isteri yang bermasalah, tekanan perasaan serta ketagihan arak dan dadah.

Kesemua faktor di atas saling berkait rapat antara satu sama lain. Boleh dikatakan suatu kes penderaan yang berlaku adalah disebabkan oleh beberapa faktor dalam satu-satu masa. Faktor sosio-ekonomi yang rendah juga secara tidak langsung telah menyebabkan kesempatan hidup masyarakat.

Apabila perkara ini berlaku, banyak keperluan hidup seseorang individu tidak dapat dipenuhi dan seterusnya menimbulkan perbalahan antara pihak-pihak yang kemudiannya mengakibatkan tekanan dalam kehidupan. Akhirnya, penyelesaian melalui jalan singkat seperti penagihan

arak dan dadah ini dihalangi bagi meluputkan tekanan yang dihadapi.



Sebagai contoh, dapat dilihat melalui tafsiran surah Maryam ayat : 96 iaitu "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Allah yang melimpah-limpah rahmatNya akan menanamkan bagi mereka dalam hati orang ramai perasaan kasih sayang". Berdasarkan ayat ini, jelas menunjukkan kepada kita bahawa kasih sayang itu adalah salah satu tanda keimanan seseorang itu.

Justeru, dapatlah difahami bahawa apabila hilangnya rasa kasih dan sayang maka penderaan boleh terjadi dan sudah pasti ianya merupakan suatu perlakuan yang bertentangan dengan syariat Islam.

Hukuman

Bagi menangani isu penderaan ini, kerajaan Malaysia telah pun menetapkan pelbagai bentuk hukuman bagi mana-mana individu yang terlibat dengan kesalahan penderaan ini menurut

undang-undang jenayah sivil. Manakala dari sudut perundangan syarak pula, kesalahan yang diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Syariah (mengikut negeri) lebih menjurus kepada penderaan berbentuk "gangguan atau pengabaian" terhadap hubungan rumahtangga contohnya kesalahan memujuk lari perempuan bersuami, menghalang pasangan yang bernikah daripada hidup sebagai suami isteri serta menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan.

Hukum yang diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan tersebut adalah berbeza dari sudut kadarnya mengikut negeri namun masih melibatkan bentuk yang sama iaitu pendendaan antara tiga hingga lima ribu ringgit atau peninjeraan selama tidak melebihi antara dua hingga tiga tahun.

Mangsa dera pula berhak untuk memperoleh perintah perlindungan kecemasan di bawah undang-undang Akta Keganasan Rumahtangga dengan cara melaporan terhadap penderaan kepada balai polis dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

Selain itu kerajaan juga melalui Kementerian Pembangunan Wanita telah mewujudkan inisiatif aduan pantas iaitu "Talian Kasih" atau "Talian Nur" di talian 15999. Talian ini berfungsi sebagai "one stop centre" bagi menyalurkan aduan terhadap sebarang salah laku berhubung kes-kes penderaan dan penganiayaan terhadap kanak-kanak atau keganasan rumahtangga.

Kesimpulannya, dalam memastikan isu penderaan ini tidak semakin parah, setiap lapisan masyarakat perlu memainkan peranan mereka agar lebih proaktif serta ceka terhadap persekitaran dan bukan hanya berlepas tangan.

Selain saling menyebabkan kasih sayang, kita juga seharusnya menjadi mata dan telinga bagi kes-kes penderaan serta bersedia memberi bantuan kepada mereka kerana diperlu.

Ini kerana, sehabat manapun undang-undang digubal bagi isu penderaan ini, ianya tidak akan memberi kesan pengurangan kes-kes penderaan dan kesedaran semua pihak masih di takuk lama.

KASIH sayang itu adalah salah satu tanda keimanan seseorang itu.

